

11 MAY 1996

Mahathir - Bahas

PERWAKILAN TIDAK MAHU SINDROM SENYAP WUJUD DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Anggota Umno tidak sepatutnya menjadi "pak turut" tetapi mesti berani memberi pandangan serta pendapat dalam menggariskan corak demokrasi yang perlu dibawa oleh parti.

Wakil Umno Wilayah Persekutuan Datuk Roslan Ali Omar berkata pemimpin parti juga harus menggalakkan para anggota di semua peringkat membincang dan membuat teguran apa jua isu yang membabitkan parti termasuk masalah pucuk pimpinan.

Beliau tidak mahu melihat "sindrom senyap" wujud dalam Umno kerana sejak kebelakangan ini setiap kali sesuatu kompromi mengenai isu-isu tertentu dibuat, para anggota parti tidak berani tampil ke hadapan untuk memberikan pandangan.

Dalam Umno juga perlukan penelitian dan pengimbangan supaya tidak wujud suatu keadaan di mana pemimpin kuat dan anggota lemah, katanya semasa membahaskan ucapan dasar Presiden parti pada konvensyen Ulangtahun ke-50 Umno di sini hari ini.

Roslan juga mencadangkan supaya Umno mempergiatkan pembangunan ekonomi yang melibatkan lebih ramai orang Melayu.

Senator Mastika Junaidah Hussein dari Perlis pula mahukan Umno membentuk semangat nasionalisme berasaskan Islam di kalangan anggotanya terutama pada peringkat pemimpin.

Katanya semangat itu perlu ada dalam setiap anggota parti terutama mereka yang mendaftarkan diri untuk bertanding pada pemilihan parti Oktober ini agar memastikan Umno diterajui para pemimpin yang bersih, cekap dan amanah.

Wakil Negeri Sembilan Yunus Rahmat pula mengalu-alukan tindakan pemimpin negara ini kerana tidak memuja demokrasi Barat.

Anggota Parlimen Jelebu itu juga berkata pemimpin negara ini perlu mempunyai wawasan, berpandangan jauh dan berjiwa tinggi.

Pemimpin Malaysia juga perlu mempunyai sikap yang berani serta mampu membuat keputusan membabitkan pelbagai kaum, katanya. -- BERNAMA

SJA AKD